



YUSERRIE (tengah) dan Mohd. Fadil (tengah atas kanan) ketika penyerahan solar-panel hasil kolaborasi UMPSA bersama TNB mempromosikan syarikatnya, CSPARX di Pekan, Pahang baru-baru ini.

## Projek solar bantu UMPSA bebas karbon

Dah SAIBUL ZAMBI MISRAM

**U**NIVERSITI Malaysia Pahang Al-Sultan Abdulaziz (UMPSA) terus mempromosikan kesedaran dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) serta memulau usaha menangani masalah dunia berkaitan alam sekitar, sosial dan taktik usrah (ESG).


UMPSA sebagai universiti terbaik dalam rangkaian universiti teknikal Malaysia (MTU) dan antara universiti teratas memiliki solar terapan di taat.

Menariknya, solar itu dilengkapi dengan sistem apungan panel solar dan direka untuk bertahan di bawah perubahan cuaca.

Menurut Malis Canselor UMPSA, Prof. Datuk Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin, UMPSA giat menjalankan inisiatif terhadap usaha memapuk berdasarkan amalan lestari dengan pemasangan solar di universiti itu.

Konsep, ia melibatkan tiga kaedah iaitu pemasangan di atas buana, bangunan, pembaikan di atas parkir atau dalam talib teknik ialah Building Integrated Photo Voltaic (BIPV) dan pemasangan solar di atas pemakam talib.

### Kampus



"Pada masa ini, solar terapan terdiri daripada 240 unit-panel solar, 1 unit inverter 125-Amp dan lebih daripada 130 unit pelampung bagi membentuk kawasan seluas 2,524 meter persegi."

"Projek solar terapan ini mempunyai panel solar terapan berkapasiti 150 kWp bagi perjanjian bekalan elektrik sekurang-kurangnya 197,300 kW tenaga per tahun."

"Selain itu, ia berpotensi untuk mengimbangi olepisan 1261 ton gas CO<sub>2</sub> dan merealisasikan hasrat menjadi negara bebas karbon."

"Manakala, pemasangan solar berkapasiti 3.58MWp di dalam kampus UMPSA telah dipasang di lapan lokasi iaitu enam lokasi pemasangan solar di atas atap," katanya.

Beliau berkata demikian ketika giat penyerahan projek solar UMPSA dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) mempromosikan syarikat milik pemunya, CSPARX Sdn. Bhd. (CSPARX) di kampus induk UMPSA, Pekan, Pahang baru-baru ini. Katanya, pemasangan solar 3.58MWp

dijangka dapat mengurangkan pengalutan karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) di dalam kampus UMPSA, Pekan sebanyak 47 peratus bersamaan perlimatan bil elektrik antara RM400,000 hingga RM600,000 setahun.

"UMPSA akan amalan berusaha untuk memperkenalkan teknologi serta amalan kelestarian kepada masyarakat, mendidik serta merpati sari teladan (role model)."

"Universiti membudayakan amalan lestari dan tenaga boleh diperbaharu dengan mengimbi inisiatif terhadap usaha memapuk kesetaraan."

"Ini termasuk mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan efisiensi tenaga dan mengurangkan penggunaan sumber tenaga fosil."

"Antaranya, termasuk penggunaan teknologi pengurusan tenaga yang canggih seperti penyejukan dan pemanasan yang efisien, pemasangan pembebasan LED serta penggunaan sistem automasi pintar untuk mengawal penggunaan tenaga," ujarnya.

"Jisanya, mempromosikan langkah-langkah itu juga, UMPSA berperanan sebagai pusat inovasi, penyediaan dan pendidikan dalam memapuk amalan lestari."

kepada para pelajar.

Sementara itu, wakil TNB, Mohd. Fadil turut berharap agar jalinan kerjasama antara UMPSA, TNB dan CSPARX itu dapat membuka lebih banyak potensi dan peluang dalam memapuk peltagai aspek berkaitan tenaga.

Katanya, universiti turut memainkan peranan penting dalam menyediakan graduan yang peka terhadap isu-isu kelestarian dan memperalukan generasi masa depan menghadapi cabaran global berkaitan dengan tenaga serta alam sekitar.

Terbilahi, UMPSA turut menerima pengiktirafan Three Diamond bagi Penilaian Karbon Rendah: Binaan daripada Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA).

Pengiktirafan itu membuktikan kemampuan universiti dalam melaksanakan usaha pengurusan tenaga elektrik yang efisien, tenaga boleh baharu dan mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida.



PANEL solar turut dipasang di atas pemakam sebuah talib yang terdapat di dalam kampus UMPSA.